

TUNTUTAN GANTI RUGI KHAS: SISI KUPASAN MENURUT UNDANG-UNDANG TORT DI MALAYSIA

MOHD FAROK BIN MAT NOR & MOHD FAQQHURUDIN BIN MOHD NASIR

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah & Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

mohdfarok@kuis.edu.my & mohdfaqqhurudinmohdnasir93@gmail.com

ABSTRAK

Ganti rugi adalah salah satu pampasan yang boleh diawardkan oleh pihak Mahkamah kepada pihak plaintif sekiranya pihak Plaintiff berjaya memenangi kes terhadap pihak defendant serta meyakinkan mahkamah bahawa beliau layak menuntut ganti rugi terhadap pihak Defendan. Menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada, beban pembuktian mengenai tuntutan ganti rugi ini akan dipikul dan dibuktikan oleh pihak yang menuntut, iaitu pihak Plaintiff. Pelbagai jenis ganti rugi yang ada di bawah undang-undang Tort tetapi kertas kerja ilmiah ini memperincikan kategori yang khusus iaitu ganti rugi khas. Tinjauan literatur dijalankan untuk mengenal pasti definisi, jenis serta perbandingan ganti rugi khas di bawah undang-undang Tort di negara ini. Kertas kerja ini juga melibatkan metode penyelidikan perpustakaan di mana analisis dibuat berdasarkan kes-kes yang berkait rapat dengan ganti rugi khas di bawah undang-undang Tort. Adalah menjadi hasrat penulis agar kajian ini dapat membantu pelajar-pelajar baharu yang mengenali dunia undang-undang lebih-lebih lagi undang-undang Tort untuk mendalami topik berkaitan dengan ganti rugi khas serta pembuktian di dalam kes-kes yang telah diputuskan di mahkamah Malaysia.

Kata Kunci: *ganti rugi, ganti rugi khas, beban pembuktian, undang-undang Tort, mahkamah*

PENDAHULUAN

Penulis akan menerangkan definisi gantirugi dan secara spesifiknya akan merujuk kepada gantirugi khas. Konsep gantirugi secara umum turut diperjelaskan di dalam artikel ini. Penulisan ini akan menumpukan kepada ganti rugi khas sahaja. Penulis turut akan mengupas jenis-jenis ganti rugi yang dituntut oleh pihak Plaintiff atau Perayu (jika kes-kes melibatkan ke peringkat rayuan mahkmah yang lebih tinggi). Jenis-jenis gantirugi khas akan dibincangkan satu persatu dalam penulisan ini bagi mencapai objektif penulisan ini iaitu penerangan mengenai ganti rugi khas dengan merujuk kepada kajian kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah-mahkamah di Malaysia bagi penerangan yang lebih jelas dan meyakinkan. Untuk pengetahuan semua, secara umumnya, pampasan untuk gantirugi ini telah diperuntukkan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956 tetapi kaedah atau prinsip yang digunakan dalam menilai gantirugi khas seperti pemakanan berkhasiat, kos rawatan di hospital swasta, kos kenderaan khas Orang Kurang Upaya (OKU), kos pembedahan selepas kemalangan dan sebagianya, tidak ditetapkan secara terperinci oleh undang – undang. Justeru itu, hakim – hakim Yang Arif lagi Bijaksana akan memutuskan dengan menggunakan segala budi bicaranya serta berdasarkan garis panduan mereka sendiri dengan merujuk kepada kes-kes yang terdahulu (konsep ini dikenali oleh pengamal undang-undang sebagai duluhan kehakiman).

Takrif Dan Konsep Gantirugi Menurut Undang-Undang

Di dalam kamus undang – undang, istilah gantirugi adalah merujuk kepada sejumlah wang yang telah diberikan oleh pihak mahkamah kepada pihak plaintiff sebagai pampasan untuk tindakan tort atau kemungkirian kontrak (Oxford Fajar, 1995). Ia juga dianggap sebagai suatu kaedah yang sah di sisi undang – undang yang boleh digunakan dalam menguatkuasakan, mendapatkan atau melindungi hak atau menebus kerugian akibat daripada pelanggaran tort (Oxford University Press, 1995). Selain itu, istilah remedii dalam undang – undang pula bermaksud suatu kaedah untuk mendapatkan hak seseorang dan ia boleh diluluskan oleh pihak mahkamah kepada sesuatu pihak iaitu plaintiff di dalam tindakan sivil. Di Mahkamah Tinggi, sesuatu bentuk remedii yang akan dituntut oleh pihak plaintiff mestilah diendorskan di atas writ yang mana sesuatu tindakan tersebut hendaklah dimulakan dengan writ dan diulang kembali di dalam pernyataan tuntutan(Oxford Fajar, 1995). Gantirugi ini pada kebiasaannya terdiri daripada pampasan berbentuk kewangan dan ia merupakan suatu bentuk remedii yang utama dan paling biasa yang dimohon oleh plaintiff dalam tindakan tort. Sekiranya plaintiff ingin berjaya di dalam tindakannya, plaintiff mestilah membuktikan dua perkara penting iaitu pertama adalah bahawa yang tort itu telah berlaku, kedua adalah jelas bahawa plaintiff telahpun mengalami beberapa kerosakan atau kerugian (NorChaya Talib, 2010). Selain itu, gantirugi ini juga kebiasanya diawadkan semasa kerugian sesuatu hak pada masa hadapan dan bukannya pada masa sebelum sesuatu kejadian itu berlaku (Mohd Altaf Hussain, 2009).

Jenis – Jenis Gantirugi

Menurut undang – undang Tort, kita dapat melihat fungsi gantirugi di dalam tindakan tort adalah untuk meletakkan seseorang plaintiff itu pada kedudukan atau tempat yang sepatutnya sekiranya sesuatu kesalahan tort itu tidak dilakukan. Oleh itu, apa yang yang boleh dilakukan adalah dengan melalui pemberian atau mengawadkan suatu gantirugi terhadap plaintiff (Salleh Buang, 1999). Konsep gantirugi menurut undang – undang Tort ialah suatu pemberian gantirugi itu dibuat adalah bertujuan untuk memberi atau mengawadkan suatu pampasan terhadap plaintiff akibat daripada kesan kecederaannya. Walaubagaimanapun, suatu pemberian gantirugi itu juga boleh menjadi bukan pampasan dari segi tujuannya, tetapi ia juga boleh menjadi suatu gantirugi yang bersifat kesan daripada gantirugi penghinaan, gantirugi nominal atau gantirugi teladan. Oleh itu, jenis gantirugi yang penulis ingin difokuskan dan dibincangkan adalah secara khusus ialah gantirugi khas.

Gantirugi Khas

Gantirugi khas adalah suatu yang telah diawadkan terhadap plaintiff bagi kecederaan atau kerugian yang timbul akibat daripada suatu tindakan Tort dari defendant, namun undang-undang tidak mengandaikan bahawa kecederaan atau kerugian itu timbul akibat daripada tindakan tersebut (Salleh Buang, 1999). Sebagai contoh yang mudah difahami yang mana kesan yang boleh dilihat iaitu seseorang yang kemalangan jalanraya dan akibat daripada itu plaintiff menjadi cacat atau tidak berupaya untuk menjalankan pekerjaan serta memenuhi sebarang kontrak yang terikat. Pada umumnya, gantirugi atau kerosakan khas ini digunakan untuk melambangkan kerosakan yang sebenar dan perlu dibuktikan oleh plaintiff untuk menunjukkan sesuatu kausa tindakan dalam Tort yang tidak boleh didakwa secara per se (Winfield, 1994). Selain itu, ganti rugi khas mestilah diwakili oleh plaintiff yang mengalami kerugian kewangan sebenar antara pada tarikh kemalangan tersebut dan sehingga tarikh

perbicaraan (S. Santhana Dass, 2000). Tambahan pula, ungkapan gantirugi khas juga mempunyai tiga maksud yang berbeza (Ratanlal, 2002), iaitu:

- i. Ia digunakan untuk menunjukkan kerosakan yang timbul daripada keadaan khas di dalam kes yang mana sekiranya dapat dibuktikan, ia mungkin boleh ditambah bersama gantirugi am yang mana undang-undang itu mengawadkan dalam setiap pelanggaran hak mutlak seseorang.
- ii. Yang mana tiada hak sebenar dan positif (selain bentuk kerosakan yang dilakukan) telah terganggu dan ia adalah termasuk dalam gantirugi, yang dilakukan adalah yang salah dan istilah gantirugi khas apabila digunakan melalui gantirugi ini, maka ia menandakan kerugian sebenar dan berkenaan keadaan yang telah berlaku. Kerosakan sedemikian dipanggil kerosakan pelbagai yang dinyatakan secara terperinci dalam kerosakan tertentu, kerosakan jelas, punca kerugian khas atau tertentu.
- iii. Dalam tindakan yang dianggap sebagai kacau ganggu awam, seperti halangan sungai atau lebuh raya, gantirugi khas menunjukkan bahawa kerugian sebenar dan tertentu yang mana plaintif mesti mengatakan dan membuktikan bahawa dia telah mengekalkan melampaui apa yang dialami oleh orang ramai,

Gantirugi khas ini hendaklah dirayu serta dibuktikan secara khusus oleh pihak plaintif semasa pliding (Gary Chan, 2016). Di dalam kes Sam Wun Hong lwn Kader Ibramshah [1981] 1 MLJ 295, Yang Arif Bijaksana, Hakim Mohamed Azmi sewaktu di peringkat Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa:

“Suatu gantirugi khas ini terdiri daripada beberapa perkara iaitu perbelanjaan tunai langsung, seperti bil – bil hospital dan kehilangan punca pendapatan yang sebenar semasa tempoh kehilangan upaya sama sekali, dan secara umumnya ia adalah sebahagian besar yang dapat dibuat pengiraan yang tepat”.

Tambahan pula, Hakim Yang Arif Bijaksana Syed Agil Barakbah di peringkat Mahkamah Persekutuan juga berpendapat di dalam kes Ngooi Ku Siong & SL lwn Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30, bahawa:

“Gantirugi khas ini mestilah dirayu secara khusus serta perlu dibuktikan dengan tegas di dalam mahkamah. Gantirugi ini adalah merujuk kepada segala perbelanjaan yang telah berlalu serta kehilangan mata pencarian. Selain itu, kerugian sebenar yang ditanggung oleh plaintif mestilah dirayu dengan menetapkan jumlah yang tepat sebelum suatu perbicaraan berlangsung. Kehilangan mata pencarian pada masa hadapan adalah berbeza daripada kerugian perbicaraan dan ini kerana kerugian jenis ini adalah termasuk di dalam gantirugi khas. Gantirugi khas ini mestilah dirayu secara khusus kerana untuk memenuhi objektif sesuatu kes bagi memperjelaskan isu yang dibangkitkan agar defenden bersedia dan tahu apa yang diperlukan apabila sesuatu kes tersebut dibicarakan”.

Jenis - Jenis Gantirugi Khas

Gantirugi khas ini terdiri daripada perbelanjaan saku antara lain, bil hospital swasta, kos anggota badan palsu dan peralatan perubatan lain, kos makanan berkhasiat, kos perjalanan, kos penjagaan pesakit atau bantuan dalam negeri, kos pembaikan kenderaan dan kehilangan mata pendapatan atau pencarian yang sebenar dalam tempoh daripada jumlah ketidakupayaan yang

sudah berlaku sebelum tarikh perbicaraan. Selain itu, kerosakan mestilah diperjelaskan dan benar – benar wujud pada masa perbicaraan dan ianya mesti boleh diukur tahap kerosakan tersebut Segala gantirugi, plaintiff mestilah dikehendaki merayu dan dibuktikan secara khusus di dalam pliding (secara spesifiknya ialah penyata tuntutan) dan juga kewajipan terhadap plaintiff untuk mengurangkan kerugiannya.

i) Perbelanjaan Yang Disebabkan Oleh Kecederaan (S. Santhana Dass, 2000).

Sebarang kecederaan yang dialami oleh plaintiff tidak dapat dielakkan dan akan menyebabkan perbelanjaan yang dikeluarkan untuk mengubati dan rawatan kesan daripada kecederaan. Perbelanjaan ini merupakan suatu kerugian ke atas plaintiff dan plaintiff berhak menuntut pampasan penuh akibat daripada perbelanjaan rawatan kecederaan plaintiff.

ii) Pemakanan Berkhasiat.

Gantirugi pemakanan berkhasiat ini merujuk kepada suatu makanan khas yang dipercayai dapat membantu orang yang cedera dalam menyembuhkan Kembali kecederaannya dan mendapatkan kekuatan tubuh badan yang asal. Di dalam kes Shearman lwn Folland [1950] 2 KB 43, Mahkamah rayuan menyarankan bahawa tambahan pemakanan berkhasiat mungkin menjadi subjek sebagai tuntutan di dalam gantirugi khas. Terdapat dua aliran pemikiran sama ada tuntutan bagi tambahan pemakanan berkhasiat akan dibayar, pertama adalah sama ada menjadi keperluan untuk membuktikan bahawa perubatan ini adalah perlu bagi plaintiff bagi menuntut di bawah tambahan pemakanan khas dan berkhasiat ini. Di dalam kes Yeap Cheng Hock lwn Kajima- Taisei Joint Venture [1973] MLJ 230, Hakim Yang Arif Syed Agil Barakbah berpendapat bahawa:

“Tidak dinafikan bahawa plaintiff memberikan keterangan bahawa dia telah membeli makanan berkhasiat tambahan ketika dia berada di hospital tetapi tanpa keterangan daripada pakar perubatan bahawa mereka memerlukannya kerana memandangkan keadaan bilik dan makanan berkhasiat yang disediakan di hospital mencukupi, saya tidak bersedia dalam keadaan untuk membenarkan tuntutan ke atas tiga perkara iaitu buah – buahan, pati jenama ayam (Ayam Brand)”

Selain itu, keperluan untuk bukti perubatan bagi menyokong tuntutan untuk tambahan pemakanan berkhasiat sekali lagi telah ditekankan di dalam kes Zainuddin lwn Liew Pak Fun & Anor [1962] MLJ 247 yang mana Hakim Hashim berpendapat bahawa:

“Barang kedua ialah \$ 900 untuk bekalan makanan khas dan berkhasiat selama 3 bulan pada \$10 setiap hari. Menurut plaintiff, beliau membelanjakan sup, beras, daging dan sayur – sayuran untuk makanannya yang dibawa ke hospital. Untuk sup dia mempunyai dua botol intipati jenama ayam untuk sehari. Hakim mendapati bahawa plaintiff tidak membuktikan sama sekali bahawa dia sebenarnya membelanjakan \$900 pada makanan khas dan berkhasiat. Hakim juga menganggap bahawa plaintiff memilih untuk mendapatkan pilihan makanannya sendiri dan tidak seperti yang ditetapkan oleh pegawai perubatan tuntutannya. Oleh itu, tuntutan untuk barang kedua gagal”.

Di dalam kes yang lain pula iaitu, Tiong Pik Hiong lwn. Wong Siew Gieu [1964] 1 MLJ 181, di mana perasaan defendant cemburu yang membuat akibat perselisihan faham dengan suaminya, yang disyaki mempunyai hubungan sulit dengan plaintiff, defendant telah menyerang plaintiff dan mencederakan wajah, leher dan lengan plaintiff sehingga menyebabkan kecederaan

yang serius. Plaintiff telah menuntut sejumlah gantirugi untuk serang sentuh atau serangan fizikal. Terdahulu, plaintiff merupakan gadis berusia 17 tahun, telah menyaman melalui ibunya dan rakannya. Tuntutan ini adalah merupakan gantirugi khas dan am bagi serang sentuh atau serangan fizikal. Pada 29 Ogos 1963, plaintiff telah mendakwa defendant telah menyerangnya di tempat kerja iaitu di Sarawak Institut Pembuatan Pakaian Wanita di Tingkat Satu yang beralamat di No. 50, Jalan Utama Sibu, di kawasan tangga yang turun dari Tingkat Dua. Akibat daripada serangan itu, plaintiff telah mengalami kesan parut pada wajah, leher serta lengannya.

Oleh itu, plaintiff telah menuntut gantirugi khas dan gantirugi am di mahkamah. Plaintiff telah menuntut \$46 sebagai gantirugi khas. Tuntutan gantirugi khas ini adalah termasuk caj hospital yang telah dibenarkan dan resit yang berharga \$10 dibuktikan. Hakim juga beranggapan bahawa plaintiff juga patut diberikan gantirugi bagi tambang teksinya pada 29 Ogos iaitu dari jarak plaintiff ke balai polis, seterusnya ke hospital dan sehingga ke rumah. Tambah hakim lagi, untuk jarak ke tempat lain, hakim beranggapan bahawa tidak ada keperluan untuk untuk gantirugi itu kerana plaintiff tidak mengemukakan bukti yang berkenaan. Oleh itu hakim telah mengawadkan tambang teksi plaintiff sebanyak \$ 4 sahaja.

Bagi gantirugi pemakanan berkhasiat pula, iaitu berkenaan dengan pati ayam sebagai tuntutan pemakanan berkhasiat, hakim telah menerima berdasarkan bukti keterangan yang munasabah diberikan kepada mahakamah iaitu bukti resit berharga \$ 26.50. Walaupun harga itu telah dibayar oleh ibu plaintiff, hakim melihat plaintiff juga berhak untuk tuntutan itu sama ada harga yang sama boleh diberikan atau lebih dari harga dibuktikan itu. Oleh itu, bagi kos pemakanan berkhasiat ini, hakim telah mengawadkan kepada plaintiff sebanyak \$ 40.50 sebagai gantirugi bagi pemakanan berkhasiat.

iii) Kos Perbelanjaan Perubatan Dan Rawatan Luar Negara.

Semua perbelanjaan yang munasabah yang berlaku dalam rawatan kecederaan boleh dituntut di mahkamah dengan cara plaintiff mestilah membuktikan kewujudan kos tersebut iaitu berdasarkan laporan dan keterangan doktor pakar.

iv) Kos Rawatan Di Hospital Swasta

Kos tersebut hanya dapat diperolehi sepenuhnya sekiranya plaintiff dapat menunjukkan atau membuktikan bahawa ia adalah munasabah untuk mendapatkan rawatan di sebuah hospital swasta. Kekurangan penjagaan dan perhatian yang sewajarnya di hospital kerajaan dan ketidakupayaan kemudahan dan keupayaan yang lebih baik di hospital swasta boleh menjadi alasan yang munasabah untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta. Sekiranya plaintiff gagal membuktikan keperluan bagi kos rawatan hospital swasta, maka mahkamah tidak akan memberikan sebarang kos gantirugi melibatkan rawatan di hospital swasta. Merujuk kepada kes Chai Yee Chong lwn. Lew Thai [2014] 2 MLJ 465 , plaintiff seorang pekerja di sebuah syarikat yang menjalankan lombong timah dan defendant merupakan pengurus syarikat dan pengarah bagi syarikat tersebut. Plaintiff telah diarah membina sebuah empangan untuk menghalang air daripada naik dan melimpah ke lombong tersebut. Semasa plaintiff membina empangan tersebut, dinding lombong tersebut telah runtuh dan menyebabkan plaintiff tertimbus dan mengalami kecederaan yang serius. Plaintiff telah menjalani pembedahan di Hospital Kerajaan iaitu Hospital Besar Ipoh dan plaintiff turut mendapatkan rawatan di Hospital Swasta.

Akibat daripada itu, plaintiff telah menuntut gantirugi antara lainnya kos rawatan dan pembedahan di hospital swasta, iaitu di Hospital Fatima. Hakim Yang Arif Abdul Hamid Mohamad HMR Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa sekiranya rawatan dilakukan di

hospital kerajaan, maka jumlah penuh akan diawadkan. Namun sekiranya plaintiff ingin mengemukakan keperluan untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta maka plaintiff perlu membuktikan tiga perkara antaranya:

1. Rawatan tertentu tidak disediakan oleh hospital kerajaan;
2. Walaupun rawatan itu disediakan namun peralatannya tidak mencukupi; atau
3. Walaupun rawatan disediakan namun ia tetap belum mencukupi.

Sekiranya mahkamah tidak berpuas hati bahawa plaintiff diberi justifikasi dalam mendapat rawatan di hospital swasta, maka bergantung kepada fakta-fakta dan keadaan-keadaan setiap kes, mahkamah hendaklah sama ada menolak tuntutan tersebut sama sekali atau mengawardkan sejumlah tidak lebih daripada satu pertiga daripada perbelanjaan. Jumlah satu pertiga tersebut tidak ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis tetapi diputuskan melalui amalan. Sekiranya ia dapat ditunjukkan bahawa jumlah satu pertiga tersebut juga adalah melampau, dengan mengambil kira perbelanjaan yang sebaliknya dibelanjakan dalam sebuah hospital kerajaan, satu jumlah yang kurang daripada satu pertiga boleh diawardkan.

Oleh itu, hakim di dalam kes ini menyatakan sekiranya mahkamah tidak berpuas hati keperluan plaintiff untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta, maka mahkamah boleh menolak tuntutannya atau mengawadkan sejumlah gantirugi tidak melebihi satu pertiga daripada perbelanjaan itu. Dan, jumlah satu pertiga tersebut tidak ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

v) Kerugian Akibat Kecurian Selepas Kemalangan.

Sekiranya akibat daripada kemalangan yang dialami oleh plaintiff itu, sesuatu barangnya telah dicuri atau dialih keluar dari tempat kejadian, nilai barang yang 30 hilang itu boleh dituntut terhadap defendant. Justeru, defendant tidak boleh mempertikaikan tuntutan itu dan mendakwa bahawa kerugian itu adalah disebabkan oleh kekurangan penjagaan di pihak plaintiff. Di dalam kes Parvathy & Ors lwn. Liew Yoke Khoon [1984] 1 MLJ 183 yang mana plaintiff seorang wanita India yang telah tercedera dan suaminya terbunuh semasa dalam perjalanan ke suatu majlis perkahwinan, plaintiff telah diawadkan sebanyak RM7, 470.00 untuk kehilangan barang kemas dan barang lain yang dicuri ketika di tempat kejadian.

vi) Kerosakan Atau Kemasuhan Kenderaan Bermotor.

Bagi kos kerosakan atau kemasuhan kenderaan bermotor ini, kos gantirugi ini boleh ditetapkan sebagai prima facie untuk ukuran awad yang sewajarnya berdasarkan kerugian yang ditanggung oleh plaintiff. Berdasarkan kes The Attorney General lwn. Ng Sian Chow & Anor [1989] 1 CLJ 601, hakim di dalam kes ini telah berpendapat bahawa:-

“Persoalan untuk menilai kerosakan harta yang boleh di alih ini yang telah rosak akibat oleh tindakan defendant, ia boleh dituntut oleh plaintiff berdasarkan kos pembaikan kenderaan itu. Pemilik kenderaan itu berhak untuk membaiki sepenuhnya semua kerosakan yang dialami akibat tindakan defendant itu supaya ia boleh digunakan semula. Namun, tiada gantirugi sekiranya kerosakan itu bukan dari tindakan defendant tetapi atas kegagalan plaintiff yang tidak menambahbaik kerosakan asal itu atau kos pembaikan untuk bahagian lain”.

Pembaikan kos ini bagaimanapun, hanya sesuai sekiranya dalam keadaan yang munasabah bagi plaintiff untuk melaksanakan pembaikan itu. Namun, wujud beberapa keadaan yang mana ianya

lebih murah sekiranya barang yang rosak itu dijual dan kos jualan itu boleh digunakan untuk membeli bahagian gentian yang baru. Oleh itu, cara ini boleh menjimatkan kos.

Walaubagaimanapun, pengeluaran resit adalah penting untuk membuktikan sesuatu tuntutan ini dan kehadiran pembuat resit juga adalah penting. Di dalam kes Abdul Hamid & Anor lwn. Tan Chu Kim [1969] 2 MLJ 215, hakim telah menyatakan bahawa jumlah gantirugi yang munasabah patut diawadkan untuk pembaikan walaupun tuan kedai yang membaiki itu tidak dipanggil. Ia sepatutnya menjadi pengecualian dan bukan peraturan kerana segala kerosakan khas itu mesti dibuktikan dengan tegas.

viii) Kos Perbelanjaan Perubatan

Kos perbelanjaan perubatan ini boleh dituntut sekiranya plaintiff berjaya membuktikan di dalam plidingnya bagi membolehkan mahkamah memberikan awad yang munasabah kepadanya. Hakim Yong Pung How J telah memutuskan di dalam kes Seah Yit Chen (f) lwn. Singapore Bus Co Ltd [1990] 2 CLJ 901 bahawa:-

“Oleh kerana plaintiff diberi hak untuk memulihkan semua perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh mereka dalam rawatan kecederaan mereka, perbelanjaan ini dalam amalan termasuk fess untuk nasihat perubatan dan operasi pembedahan, kos rawatan dan penjagaan di hospital dan kos peralatan pembedahan dan ubat dan preskripsi lain. Walaupun diagnosis dan laporan perubatan membuktikan telah salah dan plaintiff telah bertindakke defendant, maka perbelanjaan yang ditanggung oleh plaintiff itu boleh diterima, jika nasihat atau laporan itu 44 [1990] 2CLJ 901...33..diambil dengan suci hati dari seorang pengamal perubatan yang bereputasi dan jujur.”

Dalam kes yang unik iaitu kes Inas Faiqah Mohd Helmi (budak yang menyaman melalui ayahnya dan penjaga di sisi undang-undang; Mohd Helmi Abdul Aziz) lwn. Kerajaan Malaysia & Ors [2016] 2 CLJ 885. Di dalam kes ini, faktanya ialah, perayu telah dilahirkan di Hospital Sungai Buloh yang dimiliki dan dikendalikan oleh Responden Pertama (Kerajaan Malaysia), dan Responden kedua adalah Pegawai Perubatan obstetrik & ginekologi serta Responden ketiga dan pakar perunding kanak-kanak (pediatrik). Perayu mendakwa bahawa pihak responden-responden telah cuai dalam menangani kehamilan ibu perayu yang membawa kepada kelahiran perayu dan dalam memberikan penjagaan dan rawatan kepada perayu selepas kelahirannya. Perayu mendakwa bahawa akibat kecuaian itu, perayu mengalami kecacatan kekal yang dikenali sebagai quadriplegic spastic cerebral palsy. Menurut laporan perubatan, plaintiff dijangkakan boleh hidup selama maksimum 20 tahun selepas kelahirannya. Untuk maklumat tambahan, Plaintiff telah lahir pada 14 Mac 2007, di mana ayah plaintiff adalah pesara guru dan ibu plaintiff adalah seorang guru tadika. Kes ini dibicarakan di Mahkamah Tinggi Shah Alam dan keputusan kes ini dirayu oleh perayu (plaintif) di Mahkamah Rayuan pada 24 Februari 2014 dan keputusan di Mahkamah Rayuan dirayu ke peringkat tertinggi iaitu Mahkamah Persekutuan pada 20 Januari 2016. Kes ini dianggap unik oleh sebab ianya bukan sahaja melibatkan tuntutan yang banyak, akan tetapi ianya turut melibatkan ganti rugi khas yang pelbagai jenis. Pihak-pihak responden mengakui liabiliti mereka akan tetapi jumlah pampasan yang menjadi isu pertikaian kedua-dua pihak yang terlibat.

Di peringkat Mahkamah Tinggi, pihak mahkamah mengawardkan sejumlah pampasan berjumlah RM1,193,441.39 sebagai ke semua jenis ganti rugi yang dipohon oleh Perayu. Berikut adalah jadual award yang diberikan kepada plaintiff.

Jenis tuntutan Jumlah yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi

- i. Rawatan perubatan dan hospital RM 20, 660.00
- ii. Kos fisioterapi, terapi pergerakan dan terapi lisan RM 134, 400.00
- iii. Peralatan perubatan RM 136, 000.00
- iv. Kos penjagaan RM 192, 000.00
- v. Kos penjagaan oleh ibu bapa dan ahli keluarga RM 72, 000.00
- vi. Kos bagi penjaga yang memberikan latihan dan pendidikan khas TIDAK DILULUSKAN
- vii. Kos penjagaan berkala TIDAK DILULUSKAN
- viii. Kos pembelian, penyelenggaraan dan pengubahsuaian kenderaan mesra orang kurang upaya (OKU) RM 89, 000.00
- ix. Kos pengubahsuaian rumah untuk orang kurang upaya (OKU) RM 80, 000.00
- x. Kos pakaian khas, lampin, pelupusan lampin dan krim RM 33, 600.00
- xi. Kos pembedahan akan datang RM 25, 00.00
- xii. Kesakitan dan penderitaan akibat daripada pembedahan pada masa akan datang TIDAK DILULUSKAN
- xiii. Kos bagi pemakanan khas dan nutrisi TIDAK DILULUSKAN
- xiv. Kos penginapan dan sara hidup selepas perayu mencapai umur 18 tahun TIDAK DILULUSKAN
- xv. Kos bagi latihan dan pendidikan khas TIDAK DILULUSKAN
- xvi. Kos percutian TIDAK DILULUSKAN

Di peringkat Mahkamah Rayuan, pihak mahkamah menolak semua rayuan Perayu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi. Akhirnya, pihak perayu merayu ke Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan membuat keputusan untuk mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi berkenaan dengan kerosakan pada masa hadapan dan kehilangan, kecuali tiga item berikut:

- (i) Kos penjagaan oleh ibu bapa dan ahli keluarga meningkat kepada RM120,00 (atas dasar RM500 sebulan selama 20 tahun);
- (ii) Kos latihan dan pendidikan penjaga dibenarkan berjumlah RM2,000 setahun untuk 20 tahun, berjumlah RM40,000; DAN
- (iii) Kos pembelian, penyelenggaraan dan pengubahsuaian sebuah kenderaan untuk kurang upaya berjumlah RM89,000 seperti yang diawardkan oleh perbicaraan yang bijaksana hakim dikekalkan, tetapi dengan dua pembelian sepanjang tempoh 20 tahun berjumlah RM178,000.

Sehubungan dengan itu, mahkamah membenarkan sebahagian rayuan perayu dan pihak-pihak menanggung kos sendiri.

Di peringkat Mahkamah Persekutuan telah menerima sebahagian rayuan perayu dengan menaikkan jumlah pampasan RM500 sebulan selama 20 tahun bagi kos penjagaan oleh ibu bapa dan ahli keluarga, RM2,000 setahun bagi 20 tahun untuk kos latihan dan pendidikan penjaga dan turut meluluskan sebanyak RM89,000 lagi untuk kos pembelian, penyelenggaraan dan pengubahsuaian sebuah kenderaan untuk kurang upaya bagi kegunaan plaintif.

CADANGAN

Adalah dicadangkan agar pihak Kerajaan Persekutuan meminda undang-undang yang sedia ada, lebih-lebih lagi akta yang berkaitan dengan ganti rugi khas seperti Akta Undang-Undang Sivil 1956 untuk memperuntukan dengan jelas jenis-jenis ganti rugi khas yang boleh dituntut oleh pihak plaintiff. Maksud penulis, bukanlah jenis ganti rugi khas dinyatakan secara spesifik akan tetapi kategori ganti rugi khas yang layak dituntut oleh pihak plaintiff seperti ganti rugi khas bagi kanak-kanak@bayi, ganti rugi khas bagi pekerja, ganti rugi khas bagi warga emas dan sebagainya. Ini penting bagi mengelakkan tuntutan plaintiff ditolak sekiranya pihak plaintiff tidak memohon atau plid secara spesifik di dalam tuntutannya sejak awal-awal lagi.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, di dalam penulisan ilmiah ini adalah diharapkan dapat membantu pembaca agar memahami jenis-jenis ganti rugi khususnya ganti rugi khas yang layak dimohon di dalam pliding mereka. Kecuaian atau kealpaan dari memohon jenis ganti rugi khas ini akan mengakibatkan pihak mahkamah tidak akan melayan tuntutan plaintiff bagi menuntut sebarang kos atau pampasan terhadap pihak defendant kelak.

RUJUKAN

Buku

- Gary Chan Kok Yew. 2016. *The Law Of Torts In Singapore*. Second Edition. Singapore: Academy Publishing.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Altaf Hussain Ahangar. 2009. *Damages Under Malaysian Tort Law*. Selangor: Sweet & Maxwell Asia.
- Norchaya Talib. 2010. *Law Of Tort In Malaysia*. Edisi Ketiga. Selangor: Sweet & Maxwell Asia.
- Ratanlal Ranchhoddas. 2002. *Ratanlal & Dhirajlal's The Law Of Tort*. Edisi 24. New Delhi: Wadhwa And Company Nagpur.
- Salleh Buang. 1990. *Law Of Negligence In Malaysia*. Kuala Lumpur: Central Law Book Publication Sdn. Bhd.
- Salleh Buang. 1999. *Undang – Undang Kecuaian Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- S. Santhana Dass. 2000. *Personal Injury Claims*. Selangor: Alpha Sigma Sdn. Bhd.
- Winfield & Percy Henry. 1994. *Winfield Dan Jolowicz Mengenai Tort*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: International Law Book Service (ILBS).

Statut

Akta Undang – Undang Sivil 1956

Kes Undang-Undang

Abdul Hamid & Anor lwn. Tan Chu Kim [1969] 2 MLJ 215

Chai Yee Chong lwn. Lew Thai [2014] 2 MLJ 465

Inas Faiqah Mohd Helmi (budak yang menyaman melalui ayahnya dan penjaga di sisi undang-undang; Mohd Helmi Abdul Aziz) lwn. Kerajaan Malaysia & Ors [2016] 2 CLJ 885

Ngooi Ku Siong & SL lwn Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30

Parvathy & Ors lwn. Liew Yoke Khoon [1984] 1 MLJ 183

Sam Wun Hong lwn. Kader Ibramshah [1981] 1 MLJ 295

Seah Yit Chen (f) lwn. Singapore Bus Co Ltd [1990] 2 CLJ 901

The Attorney General lwn. Ng Sian Chow & Anor [1989] 1 CLJ 601
Tiong Pik Hiong lwn. Wong Siew Gieu [1964] 1 MLJ 181
Yeap Cheng Hock lwn Kajima- Taisei Joint Venture [1973] MLJ 230
Zainuddin lwn Liew Pak Fun & Anor [1962] MLJ 247